



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544  
Faks : 603-8889 5601  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 13/2011 (27 Mac hingga 2 April 2011)

Sepanjang minggu ke-13 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 27 Mac hingga 2 April 2011, sejumlah 336 kes Demam Denggi dengan satu kematian telah dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 35 kes atau 12% berbanding 301 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat tujuh buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Terengganu yang meningkat sebanyak 14 kes (88%), Selangor 9 kes (9%), Johor 8 kes (36%), Kelantan 7 kes (70%), Perak 6 kes (38%), N.Sembilan 3 kes (21%) dan Pahang meningkat sebanyak 1 kes (6%) (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes sehingga 2 April 2011 adalah 5,496, penurunan sebanyak 58% atau 7,484 kes berbanding dengan 12,980 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 80% atau 36 kematian, di mana terdapat 9 kematian bagi tahun 2011 berbanding 45 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat satu (1) kematian Demam Denggi dilaporkan dari Selangor. Kes melibatkan seorang wanita berusia 43 tahun yang bekerja sebagai seorang Penolong Pengurus Akaun di sebuah syarikat swasta. Penyiasatan mendapati lokaliti kediaman kes

adalah kawasan wabak Denggi dengan kadar pembiakan nyamuk Aedes yang tinggi. pembiakan yang dijumpai adalah di dalam premis kediaman dan di tanah lapang, di mana pemilik premis kediaman tersebut telah dikenakan tindakan kompaun RM500. Aktiviti kawalan terutamanya menghapuskan tempat-tempat pembiakan telah dijalankan bagi membendung kejadian wabak di kawasan tersebut.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 49 lokaliti wabak di 15 buah daerah dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 4 lokaliti *hot spots* dikenalpasti dengan melibatkan sebanyak 43 kes Demam Denggi (Lampiran C) berbanding 8 lokaliti *hot spots* pada minggu sebelumnya. Dua dari lokaliti hotspots ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi (Lampiran D). Manakala terdapat satu lokaliti *hot spots* yang telah mengalami wabak berlarutan melebihi tempoh 2 bulan, iaitu di Rumah Kediaman Angkatan Tentera (RKAT) Ampat Tin yang terletak di zon Kepong, WP Kuala Lumpur.

Bagi mengawal Denggi dikawasan yang kurang bersih, Kementerian Kesihatan telah mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan terutama kepada pemilik premis yang membiak Aedes. Dari Januari hingga 28 Februari 2011, sejumlah 630,311 premis telah diperiksa oleh anggota Kesihatan diseluruh negara dan 7,452 daripadanya mempunyai pembiakan Aedes. Sebanyak 2,508 pemilik premis ini telah dikenakan kompaun dengan jumlah keseluruhan bernilai RM 1,023,594 manakala 78 kes telah dibawa ke mahkamah dan didenda dengan nilai keseluruhan RM 32,350.

Bagi Penyakit Chikungunya, terdapat 2 kes dilaporkan untuk tempoh 27 Mac hingga 2 April 2011, berbanding 1 kes pada minggu sebelumnya. Kedua-dua kes tersebut masing-masing berlaku di Selangor dan Pahang. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 13

kes, penurunan sebanyak 97% berbanding dengan 508 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

**DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

4 April 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 13/2011  
(27 Mac hingga 2 April 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 13/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 13/2010
		Minggu 13 (27 Mac – 2 April 2011)	Minggu 12 (20 – 26 Mac 2011)		
1	Perlis	0	0	19	32
2	Kedah	4	6	137	131 (1)
3	P. Pinang	34	34	469 (1)	312 (2)
4	Perak	22	16	360	428
5	Selangor	112 (1)	103	1,897 (2)	6,080 (25)
6	WPKL & Putrajaya	30	32	397	1,424 (2)
7	N. Sembilan	17	14	179	591 (1)
8	Melaka	4	7	141	116 (2)
9	Johor	30	22	576 (4)	757 (3)
10	Pahang	17	16	327 (1)	346 (1)
11	Terengganu	30	16	283 (1)	270
12	Kelantan	17	10	216	277 (1)
13	Sarawak	13	13	328	1,638 (6)
14	Sabah	6	11	162	571 (1)
15	WP Labuan	0	1	5	7
	<b>MALAYSIA</b>	<b>336 (1)</b>	<b>301</b>	<b>5,496 (9)</b>	<b>12,980 (45)</b>

Nota: ( ) Kematian

## Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 13/2011  
(27 Mac hingga 2 April 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 12/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 12/2010
		Minggu 13 ( 27 Mac – 2 April 2011)	Minggu 12 ( 20 – 26 Mac 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	2
4	Perak	0	0	2	3
5	Selangor	1	0	1	12
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	1	0	1	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	471
14	Sabah	0	1	7	8
15	WP Labuan	0	0	0	7
	<b>MALAYSIA</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>13</b>	<b>508</b>

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU  
13 BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bdr Rinching	11	37
2	SELANGOR	MPAJ (HL)	Taman Nirwana (Zon B)	6	31
3	WPKL	Kepong	RKAT Ampat Tin	18	66
4	WPKL	Pusat Bandar	PPR Laksamana (Jln Peel)	8	39

Lampiran D

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 13  
BAGI TAHUN 2011  
(27 Mac hingga 2 April 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WPKL	Pusat Bandar	PPR Laksamana (Jln Peel)	4.0	4
2	SELANGOR	MPAJ (HL)	Taman Nirwana (Zon B)	4.0	4